

# DASAR PRIVASI

Versi 1.0 (pada \_\_\_\_\_)

## 1. Pengenalan

ANMYNA GLOBAL Sdn Bhd (“Syarikat”, “Kami” atau “AGR”) mengambil privasi dan keselamatan maklumat anda dengan serius.

Dasar Privasi ini (“Dasar Privasi”) merangkumi platform yang kami sediakan – laman web [www.anmynaglobal.com] (“Platform”).

Dasar Privasi ini mengawal akses anda kepada Platform kami. Kecuali yang dinyatakan sebaliknya di sini, istilah yang berhuruf besar sewajarnya mempunyai maksud yang sama seperti yang diberikan dalam Terma Penggunaan. Dasar Privasi ini digubal dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Dasar Privasi ini menerangkan jenis maklumat yang kami kumpulkan daripada semua Pengguna dan Ahli Berdaftar Platform kami (“anda”) yang berinteraksi dengan Platform kami, dan cara kami menggunakan, memindah dan melindungi informasi tersebut. Dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan, fungsi atau ciri kami, anda bersetuju untuk terikat pada Dasar Privasi ini. Dasar Privasi ini tidak mengawal maklumat kami menerima daripada pihak-pihak ketiga yang bukan Pengguna atau Ahli Berdaftar. Jika anda tidak bersetujui dengan terma-terma Dasar Privasi ini, sila jangan menggunakan Platform kami. Setiap kali anda menggunakan Platform kami, versi semasa Dasar Privasi ini akan dipakai. Sehubungan itu, apaliba anda menggunakan Platform kami, anda sewajarnya menyemak tarikh Dasar Privasi tersebut (yang diwujudkan di bahagian atas) dan menyemak sebarang perubahan sejak kali terakhir anda menyemak Dasar Privasi ini.

## 2. Istilah-istilah

Bagi tujuan Dasar Privasi ini, istilah-istilah mempunyai makna seperti yang berikut:-

- “data peribadi” ertinya sebarang maklumat yang berhubungan dengan seseorang yang dikenal pasti atau yang boleh dikenal pasti (“ subjek data”); seseorang yang boleh dikenal pasti adalah seorang yang boleh dikenal pasti, secara langsung atau tidak langsung, khususnya dengan merujuk kepada sesuatu pengecam seperti nama, nombor kad pengenalan, data lokasi, pengecam atas talian atau merujuk kepada

satu atau lebih faktor yang khusus kepada identiti fizikal, fisiologi, genetik, mental, ekonomi, kebudayaan atau social seseorang tersebut;

- “pelanggaran data peribadi” ertinya satu pelanggaran keselamatan yang menyebabkan, secara kebetulan atau menyalahi undang-undang, kemusnahan, kehilangan, perubahan, perdedahan atau akses tanpa kebenaran data peribadi yang dipindah, disimpan atau diproses;
- “pemprosesan” ertinya apa-apa operasi atau satu set operasi yang dilakukan pada data peribadi atau beberapa set data peribadi, sama ada dengan cara automatik atau tidak, seperti pengumpulan, pencatatan, pengurusan, penstrukturan, penyimpanan, penyesuaian atau pengubahan, pengambilan, perundingan, penggunaan, pendedahan melalui penghantaran, penyebaran atau sebaliknya penjajaran atau gabungan, sekatan, pemadaman atau pemusnahan;
- “persetujuan” oleh seseorang subjek data ertinya indikasi mengenai kehendak subjek data yang diberikan secara bebas, khusus, bermaklumat dan jelas di mana beliau menandakan persetujuan terhadap pemprosesan data peribadi yang berhubungan dengan beliau melalui pernyataan atau tindakan afirmatif yang jelas.

### 3. Jenis Data yang dikumpulkan

Kami mungkin mengumpulkan dua jenis data daripada anda iaitu “Data yang anda bekalkan” yang merupakan maklumat digunakan untuk mendaftarkan satu akaun dan “Data tambahan yang kami terima berkaitan dengan anda” yang merupakan data yang dijana daripada penggunaan Platform kami, yang mana kami menyimpan dan memproses data tersebut.

- **Data yang anda bekalkan**

Kami mengumpul data yang anda bekalkan kepada kami secara sukarela untuk menggunakan Platform kami.

Secara umumnya, anda membekalkan kepada kami nama dan alamat emel supaya mencipta satu akaun sebagai *business partner* dan juga membekalkan anda akses yang diperlukan. Pemprosesan data peribadi anda hanya berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

- **Data tambahan yang kami terima berkaitan dengan anda**

Data tambahan selain daripada maklumat yang anda bekalkan secara sukarela mungkin dikumpulkan apabila anda menggunakan Platform kami.

- **Maklumatlog**

Apabila anda menggunakan Platform kami, beberapa data akan dikumpulkan secara automatic. Data tersebut boleh termasuk alamat Internet Protokol ("IP") komputer anda (nombor yang menyediakan alamat untuk komputer anda), sistem operasi, jenis Bahasa , nombor pengecam peranti, masa dan tarikh penggunaan anda.

- **Maklumat analisis**

Kami menggunakan penyelesaian dalaman dan pihak ketiga untuk mengumpulkan dan mengabungkan data analisis untuk meningkatkan prestasi, usaha pemasaran dan kualiti produk dan perkhidmatan kami.

#### **4. Kesan Kegagalan Pembekalan Data Peribadi**

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya data peribadi yang diperlukan tidak dibekalkan atau tidak memuaskan bagi kami maka permohonan atau permintaan anda untuk mana-mana produk atau perkhidmatan kami dan permintaan anda untuk melayari maklumat di Platform kami boleh dinafikan oleh Syarikat atau terjejas.

#### **5. Asas Perundangan untuk Memproses Data**

Anda bersetujui dan memberi persetujuan anda secara eksplisit kepada Syarikat ini supaya ia boleh meminta, mengumpul, mengguna, mentadbir dan mengendalikan data peribadi anda bagi tujuan menyediakan produk atau perkhidmatan kami mengikut dasar-dasar Syarikat, undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Kami mengumpul, memproses, memindah dan menyimpan data peribadi yang anda berikan persetujuan sahaja dan bagi melindungi kepentingan munasabah yang timbul daripada hubungan antara kami dan anda.

Pemprosesan diperlukan untuk prestasi kontrak di mana anda merupakan pihak kepada kontrak tersebut atau untuk mengambil tindakan atas permintaan anda sebelum memasuki kontrak tersebut.

Pemprosesan diperlukan untuk melindungi kepentingan penting subjek data atau pihak lain.

Sekiranya kami ingin menggunakan data peribadi anda bagi tujuan selain daripada tujuan asal yang anda bersetujui, kami akan menyediakan maklumat

kepada subjek data sebelum tindakan dan kami tidak akan menggunakan data tanpa persetujuan anda yang jelas bagi tujuan yang baru.

## **6. Tujuan Mengumpul Dan Memproses Data Peribadi Anda**

Kami boleh menggunakan sebahagian daripada data dan maklumat peribadi anda yang berkenaan untuk tujuan yang dinyatakan di bawah termasuk tetapi tanpa terhad kepada:-

- untuk membekalkan produk atau perkhidmatan kepada anda;
- untuk memberikan maklum balas terhadap permintaan anda untuk maklumat dan/atau bantuan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;
- untuk optimalkan usaha pemasaran kami;
- untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan;
- untuk tujuan pentadbiran dan rekod; dan
- untuk melindungi kepentingan anda dan orang lain.

## **7. Hak-hak anda**

Anda mempunyai hak-hak seperti yang berikut:-

- meminta daripada kami akses kepada data peribadi anda yang kami menyimpan;
- meminta kami untuk membuat pembetulan apa-apa data peribadi yang kami kumpulkan;
- menerima salinan data peribadi anda dalam format elektronik;
- meminta kami untuk menghapuskan data peribadi anda pada bila-bila masa jika penyimpan data tersebut melanggar undang-undang yang berkaitan;
- menerima daripada kami maklumat tentang aktiviti kami berhubungan dengan data peribadi anda termasuk tujuan pengumpul dan penyimpanan data, tempoh masa penyimpanan, cara pengumpulan dan kewujudan pemrosesan secara automatik;
- menerima dan memindah data anda kepada pentadbir lain;

- menghapus akaun anda pada bila-bila masa;
- meminta kami supaya menghentikan pemprosesan data anda;
- membantah kepada pemprosesan data peribadi anda bagi alasan yang munasabah;
- membantah kepada pemprosesan data bagi tujuan pemasaran langsung; dan
- membuat aduan dengan pihak berkuasa penyeliaan jika anda mendapati pelanggaran data peribadi anda.

## **8. Pelaksanaan Hak Anda**

Untuk melaksanakan hak anda, anda boleh menghubungi kami dengan menghantar mesej kepada kami melalui [info@anmynglobal.com].

Untuk menguruskan maklumat akaun anda, anda boleh menggunakan fungsi penetapan profil dalam Platform kami.

## **9. Perkongsian Data Peribadi dengan Pihak Ketiga**

Kami mungkin memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga untuk tujuan menyediakan perkhidmatan kepada anda. Kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada syarikat yang berhubungan dengan kami termasuk pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga tidak dibenarkan mengekalkan, berkongsi, menyimpan atau menggunakan data peribadi untuk tujuan selain daripada tujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang mereka diupah untuk menyediakan. Kami tidak menjual, berdagang atau berkongsi data peribadi dengan pihak ketiga untuk tujuan pemasaran pihak ketiga.

Kami mungkin memilih untuk memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga dalam keadaan khas seperti yang berikut:-

- (i) untuk mematuhi peruntukan undang-undang, perintah mahkamah, atau proses undang-undang yang disampaikan kepada kami atau syarikat yang berhubungan dengan kami;
- (ii) untuk menyiasat jenayah seperti penipuan atau identiti pencuri;
- (iii) Syarikat ini membuat keputusan bahawa pendedahan data peribadi tersebut adalah diperlukan atau diwajibkan untuk mematuhi sebarang

undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan ataupun untuk melindungi atau membela hak atau harta Syarikat;

- (iv) di mana sesuatu jualan perniagaan Syarikat yang berpotensi dicadangkan atau sebenar berlaku atau peristiwa penggabungan atau penyusunan semula perniagaan yang melibatkan Syarikat; dan
- (v) sebagaimana yang dihendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, termasuk apa-apa kewajiban kontraktual kami.

#### **10. Data Peribadi Kanak-Kanak Dan Kanak-Kanak Di Bawah Umur**

Platform kami tidak ditujukan kepada kanak-kanak dan anda tidak boleh menggunakan Platform kami jika anda berumur bawah 18 tahun.

Bagi kanak-kanak yang berumur bawah 16 tahun, pemprosesan data adalah dibenarkan bawah undang-undang jika ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut memberikan persetujuan.

#### **11. Tempoh Masa Untuk Penyimpanan Data Peribadi**

Kami menyimpan data peribadi anda selagi akaun anda aktif atau semasa diperlukan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda.

Kami mungkin menyimpan data anda bagi tempoh masa yang lebih lama untuk mematuhi undang-undang, penyiasatan kerajaan atau penyiasatan kemungkinan pelanggaran terma-terma dan dasar-dasar kami atau mengelakkan kerugian.

#### **12. Cara Kami Melindungi Maklumat Anda**

Kami menguruskan keselamatan data peribadi anda dengan serius. Kami mengamalkan perlindungan dari segi pentadbiran, fizikal dan teknikal yang munasabah untuk menjamin data peribadi yang anda berkongsi dengan kami.

Keselamatan penggunaan Platform bergantung kepada perlindungan anda terhadap peranti elektronik anda. Anda tidak boleh berkongsi penggunaan peranti elektronik anda dengan sesiapa sahaja. Jika anda percaya bahawa akses yang tidak sah kepada peranti elektronik anda telah berlaku, sila laporkan segera di [info@anmyglobal.com]. Anda harus memberitahu kami dengan segera jika anda mendapati bahawa apa-apa maklumat yang diberikan oleh atau diserahkan kepada peranti elektronik hilang, dicuri atau digunakan tanpa keizinan.

Sila jangan berkongsi kata laluan anda dengan sesiapa sahaja. Kami tidak akan meminta anda untuk menghantar kata laluan anda atau maklumat sensitif

yang lain kepada kami melalui e-mel walaupun kami mungkin meminta anda untuk memasukkan maklumat sensitif di Platform kami.

Sebarang e-mel atau komunikasi lain yang mencadangkan kami yang meminta kata laluan anda atau meminta anda memberikan maklumat akaun yang sensitif haruslah dianggap sebagai tidak sah dan mencurigakan dan haruslah dilaporkan kepada kami dengan segera melalui e-mel ke [info@anmynaglobal.com]. Sekiranya anda percaya bahawa orang lain telah mendapat akses kepada kata laluan anda, sila tukar kata laluan anda dan melaporkan kepada kami melalui e-mel ke [info@anmynaglobal.com] dengan segera.

### **13. Pengubahsuaian Dasar**

Setiap kali anda menggunakan Platform kami, versi Dasar Privasi semasa akan dipakai. Apabila anda menggunakan Platform kami, anda harus menyemak Dasar Privasi ini dan menyemak sebarang perubahan sejak versi terakhir. Dasar Privasi ini boleh diakses di dalam Platform kami dan boleh didapati di [info@anmynaglobal.com]. Kecuali yang dinyatakan sebaliknya, Dasar Privasi semasa terpakai kepada semua maklumat anda yang kami memiliki.

### **14. Pelanggaran Data Peribadi**

Sekiranya berlaku pelanggaran data peribadi, kami akan mengambil segala tindakan yang sesuai dan tepat pada masanya untuk mengelakkan sebarang kerosakan material atau tidak material kepada subjek data. Pelanggaran keselamatan termasuk kecurian identiti, penipuan identiti, batasan hak, akses yang tidak dibenarkan ke akaun anda, kehilangan kesulitan data peribadi, dll. Sebaik sahaja pihak pengawal menyadari sesuatu pelanggaran, anda dan pihak berkuasa akan diberitahu dengan segera. Anda mungkin diminta untuk mematuhi arahan tertentu untuk mencegah pelanggaran termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan kata laluan atau nama anda.

### **15. Hubungi Kami**

Untuk menghubungi kami dengan pertanyaan atau ulasan anda mengenai Dasar Privasi ini atau pengumpulan maklumat dan amalan penyebaran yang berkaitan dengan penggunaan Platform kami, sila menghantar e-mel kepada [info@anmynaglobal.com].